

## PELAKSANAAN MATA PELAJARAN AL-QURAN DALAM PROGRAM KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) : TINJAUAN KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KANGAR PERLIS

Nidzamuddin Zakaria

### 1. Pengertian KAFA Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah satu usaha yang berterusan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan individu (insan) selaras dengan kehendak al-Quran dan Sunnah. Usaha ini bertujuan melahirkan muslim yang terdidik dengan didikan al-Quran dan menghayati akhlak dan cara hidup Islam.<sup>1</sup>

KAFA juga merupakan program pengukuhan dan memperkayakan lagi asas-asas Pendidikan Islam di kalangan murid-murid Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang dikelolakan oleh Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam (PPPI), Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> JAIPs. 1998. *Kertas Kerja Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (KAFA) Negeri Perlis*. Kangar: Unit KAFA Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). hal. 1.

<sup>2</sup> JPM. t.th. *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)*. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Cawangan PPPI, JPM. hal. 1.

Konsep program KAFA juga dijelaskan sebagai;

*“Pendidikan Agama Peringkat Rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan memberi penekanan dan tumpuan kepada amali dan kemahiran membaca al-Quran termasuk tajwidnya, di samping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan jawi”.*<sup>3</sup>

Program ini ditujukan bagi kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 12 atau murid darjah 1 hingga darjah 6 di Sekolah Kebangsaan. Ia dilaksanakan secara seragam oleh pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri yang diselaraskan dari segi pengurusan kewangannya oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui urusetia Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), BPPI.<sup>4</sup>

Ringkasnya, KAFA ini boleh dikira sebagai kelas tambahan atau lanjutan kepada kelas pengajian al-Quran/Pendidikan Islam secara formal di peringkat Sekolah Rendah Kebangsaan.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> JAKIM. t.th. *Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu Ain*. Kuala Lumpur: JAKIM, BPPI. hal. 2.

<sup>4</sup> JAKIM. t.t.h. *Struktur dan Fungsi Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: BPPI, JAKIM. hal. 3 dan JPM. 1994. “Ke Arah Pembentukan Generasi al-Quran Dalam Merealisasi Cita-cita Wawasan 2020 di Malaysia” (Kertas Kerja Seminar Kaedah Pembacaan al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam, 22-25 Julai 1994), h. 22.

<sup>5</sup> Tuan Hj. Ibrahim b. Mat @ Muhd. 2003. *Pengenalan KAFA*. Ketua Penolong Pengarah (KPP) di Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM, Putra Jaya. Temubual pada 24 Mac 2003.



## 2. Objektif KAFA

Kewujudan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di bawah kelolaan Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:- <sup>6</sup>

- i. Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim boleh membaca al-Quran dengan baik dan terdidik dengan didikan al-Quran.
- ii. Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim boleh memahami dan mempraktikkan asas-asas fardu dan cara hidup Islam.
- iii. Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim yang tamat pengajian sekolah rendah boleh mempraktikkan cara hidup Islam yang seragam di seluruh negara.
- iv. Untuk membantu memperkukuhkan lagi asas-asas pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam yang diajar di sekolah rendah.
- v. Untuk mewujudkan satu sistem pengajian al-Quran dan pendidikan Islam yang lengkap dan seragam di seluruh negara.

Pengajian al-Quran dan fardu ain yang dilaksanakan dalam bentuk program ini sebenarnya, bukan sahaja menepati Sistem Pendidikan Islam di negara kita, bahkan ia selaras dengan perintah Rasulullah *s.a.w* sendiri yang menggesa umatnya agar belajar dan mengajar kedua-dua bidang pengajian ini. Ini bersandarkan hadis Nabi *s.a.w* yang berbunyi:-

---

<sup>6</sup> JPM.. t.th. *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain*. hal. 4 - 5.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَالْقُرْآنَ وَعَلَّمُوا النَّاسَ فَإِنِّي مَقْبُوضٌ<sup>7</sup>

Maksudnya: Daripada Ibnu ‘Umar *r.a* katanya, Rasulullah *s.a.w* bersabda; “Pelajarilah perkara-perkara fardu dan *al-Quran*, dan ajarkanlah kepada orang ramai kerana sesungguhnya aku akan wafat”.

Di sini, Rasulullah *s.a.w*, memerintah umatnya agar mempelajari *al-Quran* dan *al-Farā'id*. Imam al-Mubārakfūriyy<sup>8</sup> dan Imam al-Sindiyy<sup>9</sup> menyatakan bahawa antara tafsiran para ulamak mengenai perkara-perkara fardu tersebut ialah; “Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan segala yang diwajibkan oleh Allah *s.w.t* ke atas hamba-hambaNya”.

### 3. Sejarah Penubuhan KAFA di Kangar, Perlis

Sebelum penubuhan KAFA di Kangar, kelas-kelas agama berupa kelas-kelas *al-Quran* telah pun beroperasi di bawah kelolaan dan pembiayaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).<sup>10</sup> Kelas-kelas tersebut berlangsung selama lima hari

<sup>7</sup> al-Mubārakfūriyy, Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm. t.th. *Tuḥfah al-’Ahwadhi, Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhiyy*. Abwāb al-Farā’id, Bāb Mā Jā’a Fī Ta’līm Farā’id. no. hadis 2170. j.6. Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah. hal. 222.

<sup>8</sup> *Ibid*.

<sup>9</sup> al-Sindiyy, Abū al-Ḥasan. t.t. *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*. Kitāb al-Farā’id. Bāb al-Hath ‘Alā Ta’lim al-Farā’id. j. 3. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah. hal. 315.

<sup>10</sup> MAIPs atau singkatan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis merupakan Badan Tertinggi Pembuat Dasar Berkaitan Hal Ehwal Islam Negeri Perlis. MAIPs telah ditubuhkan pada 14 Syawal 1383H bersamaan 27 Februari 1964M di bawah undang-undang tubuh Negeri 1963 (pindaan) Fasal 6(1). Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail adalah Yang Dipertua MAIPs dengan dibantu oleh ahli-ahlinya yang dilantik DYMM. Sila lihat: <http://www.perlis.gov.my/jaip/MAIPs.html>, 30 September 1999.

seminggu dan hanya tertumpu kepada pengajian al-Quran tanpa melibatkan pengajian fardu ain. Elaun yang diberikan bagi kelas-kelas tersebut adalah sebanyak RM120.00 sebulan.<sup>11</sup>

Idea mewujudkan KAFA ini bermula dengan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Malaysia yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, dalam mesyuaratnya kali ke 15 pada 14 Oktober 1986, telah memutuskan supaya kelas-kelas pengajian al-Quran dan Fardu ain bagi kanak-kanak disusun dan dilaksanakan secara terancang di seluruh negara.<sup>12</sup>

Berikutan dengan itu, satu kertas kerja telah disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia (BAHEIS) dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia (JKHEAI) kali ke 18 pada 17 Januari 1989, di mana rancangan penubuhan Kelas al-Quran dan Fardu ain (KAFA) telah dipersetujui.<sup>13</sup>

Dasar pelaksanaan KAFA, sebagaimana yang diputuskan oleh JKHEAI dan direstui oleh Kabinet, perlu dilaksanakan oleh negeri-negeri, manakala Kerajaan Persekutuan bertindak menyediakan peruntukan kewangan secukupnya.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Encik Aminuddin b. Mohammad. 2003. *Sejarah Penubuhan KAFA di Kangar, Perlis*. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan, JAIPs dan Bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPs. Temubual pada 30 Jun 2003.

<sup>12</sup> Mesyuarat Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke 25. 1998. "*Kertas Makluman Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)*". (Laporan Mesyuarat, Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). hal.1.

<sup>13</sup> *Ibid*.

<sup>14</sup> JAKIM. 1999. *Dasar dan Halatuju KAFA Menghadapi Alaf Baru*. (Kertas Kerja Ijtimak Pengurusan KAFA Peringkat Kebangsaan, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 1999), h. 1.



Akhirnya pada awal Jun 1990, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, telah melancarkan rancangan KAFA di seluruh negara dengan hasrat mewujudkan satu sistem kelas Pengajian al-Quran dan Fardu ain (KAFA) yang kemas dan seragam.<sup>15</sup>

Sehubungan itu, BAHEIS telah mengarahkan agar unit KAFA ditubuhkan serentak dengan pembukaan Akaun Amanah KAFA di Bank Islam, Kangar, Perlis. Pembukaan Akaun Amanah KAFA ini bertujuan untuk memudahkan urusan penyaluran wang peruntukan dari pusat. Mandat juga diberikan pada waktu yang sama oleh BAHEIS untuk unit KAFA di Kangar ini melantik para penyelia dan gurunya.<sup>16</sup>

Buku Garis Panduan Pelaksanaan KAFA (dari segi jangka masa KAFA setiap minggu bersama sukatan mata pelajaran yang bakal diajar), turut disediakan oleh pihak pusat (BAHEIS) bagi menyeragamkan perjalanan program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar, Perlis khasnya. Di samping itu, elaun para guru KAFA sebanyak RM288.00 bagi 24 jam sebulan (6 jam setiap minggu) turut diselaraskan, pada peringkat awal penubuhannya.<sup>17</sup>

Pada peringkat ini juga, guru-guru al-Quran anjuran MAIPs diserapkan secara sedikit demi sedikit ke dalam program KAFA, bergantung kepada kemahiran mereka dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) KAFA. Oleh itu, guru-guru terlatih yang merupakan lepasan Maktab Perguruan, diberikan keutamaan pada masa itu. Perjalanan KAFA ketika itu pula, hanya beroperasi di sekolah-sekolah terpilih yang dinamakan “Sekolah Contoh KAFA” dengan jumlah kelas yang terhad.<sup>18</sup>

<sup>15</sup> Kertas Kerja Pelaksanaan KAFA Negeri Perlis. 1998. *op. cit.*, h. 2.

<sup>16</sup> Temubual bersama En. Aminuddin b. Mohammad. *op. cit.*

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid.*

Pada tahun 1991, KAFA mula beroperasi di masjid-masjid, surau-surau dan dewan orang ramai dan seluruh guru al-Quran anjuran MAIPs telah diserapkan sepenuhnya ke dalam program ini.<sup>19</sup> Pada peringkat awal penubuhan KAFA juga, pengurusan program ini diletakkan di bawah Unit Ukhuwwah, Bahagian Dakwah, JAIPs.<sup>20</sup> Ini memandangkan kepada peranan Unit Ukhuwwah ini yang menguruskan kelas-kelas al-Quran di samping menguruskan kebajikan saudara-saudara baru di Perlis. Oleh itu, KAFA diletakkan di bawah unit ini disebabkan kaitannya dengan kelas al-Quran.<sup>21</sup> Pada peringkat ini juga, pengemaskinian borang-borang berkaitan KAFA dan pemurnian sukatan mata pelajarannya dilakukan dari masa ke semasa oleh pihak Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur, dengan dipengerusikan oleh Encik Wan Bakar bin Wan Dagang selaku Ketua Penolong Pengarah (KPP) cawangan tersebut.<sup>22</sup>

Tuan Haji Bahador bin Haji Ayob yang merupakan salah seorang pegawai penyelia KAFA yang terawal di Kangar dan pernah terlibat dengan pemurnian sukatan mata pelajaran KAFA ketika itu, mengakui bahawa pada peringkat ini, buku *Iqra'* yang merupakan buku sukatan bagi mata pelajaran al-Quran, turut dialih bahasakan dari Bahasa Indonesia ke Bahasa Malaysia bagi memudahkan murid-murid membacanya.<sup>23</sup>

---

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Bahagian Dakwah JAIPs mempunyai tiga unit iaitu; Unit Kariah, Unit Dakwah dan Unit Ukhuwwah. Sila rujuk; Temubual bersama En. Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob. 2003. *Sejarah Penubuhan KAFA di Kangar, Perlis*. Bekas Ketua Penyelia KAFA, Unit KAFA, JAIPs. Temubual pada 30 Jun 2003.

<sup>23</sup> *Ibid.*

Pada tahun 1995, setelah program KAFA bertapak selama lima tahun di Kangar, maka Unit KAFA, JAIPs, Kangar, telah mengadakan perjumpaan dengan semua guru besar di negeri Perlis, bagi menjelaskan kepentingan program KAFA kepada murid-murid, lalu KAFA telah beroperasi sepenuhnya di negeri Perlis dan Kangar khususnya pada tahun tersebut.<sup>24</sup>

Unit KAFA telah ditempatkan di Bahagian Dakwah, JAIPs, selama lapan tahun dan akhirnya telah diletakkan di Bahagian Pendidikan, JAIPs, pada tahun 1998 disebabkan hubungan yang lebih ketara dengan program pendidikan Islam. Maka bermula dari saat itu hinggalah sekarang, Unit KAFA diletakkan di Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perlis.<sup>25</sup>

Begitulah sejarah penubuhan KAFA di Perlis, dan di Kangar khususnya, yang mana program ini meneruskan kelangsungan kelas-kelas pengajian al-Quran kelolaan MAIPs yang telah sedia ada, bahkan ditambah pula dengan pengajian fardu ain.

#### 4. Kurikulum KAFA

Kelas-kelas KAFA di Kangar, diwajibkan menggunakan kurikulum atau sukatan mata pelajaran KAFA yang disediakan oleh JAKIM.<sup>26</sup> Kurikulum KAFA dirancang bagi memenuhi tujuan untuk memantap dan memperkukuhkan pengajian al-Quran dan fardu ain di kalangan anak-anak Islam yang berumur 7-12 tahun.<sup>27</sup>

Asas pendidikan dan kemahiran dalam kurikulum KAFA, ditumpukan kepada kebolehan dan kemahiran membaca al-Quran,

---

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Temubual bersama Encik Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

<sup>26</sup> Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

<sup>27</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain. t.th. *op. cit.*, hal. 1-2.



menghafaz ayat-ayat serta memahami maksud kalimah atau ayat-ayat tertentu dalam al-Quran. Ia termasuk pengamalan dan penghayatan perkara-perkara fardu ain dalam Islam merangkumi perkara-perkara akidah, ibadat dan akhlak.<sup>28</sup>

Kurikulum KAFA yang digunakan Kangar, Perlis merupakan kurikulum yang dikeluarkan oleh JAKIM, di mana ia mengambil kira semua aspek keperluan semasa dalam pendidikan Islam untuk kanak-kanak 7-12 tahun.<sup>29</sup> Kurikulum ini juga dibina hasil pengubahsuaian daripada kurikulum pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan juga kurikulum-kurikulum pengajian Islam anjuran Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan juga pertubuhan-pertubuhan Islam.<sup>30</sup>

Kurikulum Pengajian KAFA mempunyai isi kandungannya yang tersendiri, seperti mana yang digariskan oleh Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur dengan kerjasama JAIPs. Terdapat enam subjek dalam kurikulum KAFA iaitu:-<sup>31</sup>

- i. Asas Tilawah al-Quran
- ii. Asas *‘Ulum al-Syari‘ah*
- iii. Asas Akhlak Islam
- iv. Sirah Rasulullah
- v. Asas *al-Lughah al-‘Arabiyyah*
- vi. Asas Jawi dan Khat

---

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> JAKIM. T.th. *Strategi dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran KAFA*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM. hal. 2.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> JPM & JAIPs. t.th. *Sukatan Pelajaran Pengajian Kelas al-Quran dan Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM, dengan kerjasama JAIPs.

## 5. Sukatan Mata Pelajaran al-Quran Dalam KAFA

Pelaksanaan pengajian al-Quran dalam KAFA dijayakan melalui mata pelajaran Asas Tilawah al-Quran yang merangkumi tahap-tahap umur bermula dari tahun satu hingga ke tahun enam. Huraian ringkas terhadap sukatan mata pelajaran tersebut dapat dilihat dalam Lampiran I.

## 6. Pendekatan Pengajaran al-Quran Dalam KAFA

Pendekatan adalah mendekatkan sesuatu dalam bidang pendidikan dan setiap pendekatan itu hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Bagaimana ia dikuasai dan diperolehi, bagaimana ia difahami dan di mana ia disimpan. Sebagai contoh, ketika mengajar satu-satu pelajaran, guru hendaklah membina suatu pendekatan supaya senang diterima oleh murid di mana pendekatan tentang isi pelajaran. Dari sini, murid-murid akan senang memahami sesuatu isi pelajaran.<sup>32</sup>

Terdapat banyak pendekatan untuk membolehkan pelajar-pelajar membaca atau mengenal al-Quran. Pendekatan pengajaran mengikut kaedah *Baghdadi* adalah satu cara tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Islam. Pendekatan ini mengkehendaki pelajar-pelajarnya mengeja dan membunyikan huruf, suku kata dan kalimah yang dieja.<sup>33</sup>

Di zaman mutakhir ini, muncul pendekatan baru dalam pengajaran dan pelajaran al-Quran, yang mana ia lebih mementingkan kecepatan dan kemahiran. Justeru, lahirlah pelbagai kaedah terkini dalam mengajar dan mempelajari al-Quran. Antara kaedah yang

<sup>32</sup> Ahmad Mohamad Salleh. 1997. *op. cit.*, hal. 183-184.

<sup>33</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain. t.t. *op. cit.*, h. 8.

termasyhur dan tersebar luas di rantau Asia Tenggara ini ialah kaedah *Iqra'*.

Kaedah baru ini telah diperkenalkan oleh As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia dan mendapat sambutan yang hangat di negara-negara jirannya termasuk Malaysia, terutama sekali pada tahun 1992. Pendekatan ini lebih menekankan kepada membunyikan huruf, suku kata huruf dan kalimah tanpa perlu mengeja.<sup>34</sup>

Ada juga pengajaran menggunakan pendekatan menghafaz dan mengenal. Ada pula pengajaran al-Quran bermula daripada menulis, menghafaz dan mengenal. Apa-apa pendekatan atau kaedah, boleh digunakan di dalam pengajaran al-Quran. Cuma pendekatan mana yang cepat dan mudah bagi pelajar-pelajar menguasai kemahiran al-Quran adalah wajar dipraktikkan.<sup>35</sup>

Setiap pendekatan atau kaedah ada kelebihanannya dan mampu mencapai matlamat yang diharapkan iaitu pelajar-pelajar boleh mengenal dan membaca al-Quran. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah bagaimana guru mempraktikkan kaedah atau pendekatan tersebut. Di sinilah perlunya guru yang cekap, mahir dan berkebolehan, khususnya dalam pengajaran al-Quran.<sup>36</sup>

## **7. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) al-Quran Dalam KAFA**

Ada empat tahap yang dikehendaki dalam kaedah P&P al-Quran, KAFA untuk setiap guru mengikutinya. Tahap-tahap tersebut adalah seperti di dalam Jadual 7.1 berikut:-

---

<sup>34</sup> Tuan Hj. Mohamad Alwi Yusoff, Dr. Adel Muhamad Abdulaziz dan Ustaz Ahmad Kamel Mohamad. 2003. "Kebekkesanan Kaedah *Iqra'* Dalam Pengajaran al-Quran", (Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pada 17 Mei 2003). hal. 3.

<sup>35</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain. t.t. *op. cit.*, hal. 8-9.

<sup>36</sup> *Ibid.*



**Jadual 7.1: Tahap-tahap P&P al-Quran Dalam KAFA**

Tahap	Kaedah
<b>Tahap I</b>	Pelajar-pelajar membunyikan dan menyebut huruf, suku kata kalimah dan kalimah ayat yang tunggal.
<b>Tahap II</b>	Pelajar-pelajar menyebut atau membaca kalimah-kalimah ayat bersambung yang senang, sederhana dan sukar.
<b>Tahap III</b>	Pelajar-pelajar membaca kalimah-kalimah ayat bersambung yang mempunyai hukum-hukum tilawah (tajwid) yang tertentu.
<b>Tahap IV</b>	Pelajar-pelajar dapat membaca keseluruhan ayat daripada surah-surah yang dipelajarinya.

Sumber: Cawangan PPPI, JPM.

**Di Tahap Pertama**, pelajar-pelajar perlu mengenal dan boleh membunyikan huruf-huruf *hija'iyah* di dalam al-Quran. Ada dua cara mudah untuk mengenal dan membunyikan huruf *hija'iyah* iaitu; cara menyebut sesuatu yang sama atau hampir sama dengan huruf-huruf itu, dan satu cara lagi ialah, dengan latih tubi yakni menyebut huruf-huruf tersebut berulang-ulang kali.<sup>37</sup>

Di tahap ini juga, para pelajar perlu mengenal tanda-tanda baris di dalam al-Quran seperti baris di atas, di bawah dan di hadapan. Begitu juga dengan baris dua di atas, dua di bawah dan dua di hadapan. Turut diperkenalkan di tahap ini ialah tanda mati

<sup>37</sup> Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain. t.t. *op. cit.*, hal. 9.

(*sakinah*), tanda *alif* kecil, tanda sabdu (*tashdīd*) dan tanda *madd* (panjang).<sup>38</sup> Di samping itu juga, para pelajar perlu mahir membunyikan huruf-huruf tunggal atau huruf-huruf bersambung yang bertanda dengan pelbagai baris pada tahap pertama ini.<sup>39</sup>

Di **Tahap Kedua** pula, pelajar-pelajar akan dibiasakan dengan menyebut atau membunyi kalimah-kalimah al-Quran bermula daripada kalimah-kalimah yang senang, diikuti dengan kalimah yang sederhana dan seterusnya kalimah yang sukar. Kalimah-kalimah ini hendaklah diambil dari ayat-ayat yang terdapat di dalam surah-surah. Di tahap ini, kalimah-kalimah dari surah *al-Fātiḥah* hingga surah *al-Duḥā* dijadikan sumber kalimah-kalimah tersebut.<sup>40</sup>

Di **Tahap Ketiga**, para pelajar dikehendaki membaca ayat al-Quran bersambung yang mudah, sederhana dan sukar. Pada tahap ini, pelajar-pelajar amat perlu diberikan penekanan untuk menyebut ayat-ayat yang mengandungi hukum tilawah yang asas seperti; *Izhār*, *Ikhfā'*, *Idghām* dan *Iqlāb*.<sup>41</sup>

Di **Tahap Keempat**, pelajar-pelajar diminta membaca ayat demi ayat di dalam satu-satu surah sehingga mereka mampu membaca keseluruhan ayat-ayat di dalam surah tersebut.<sup>42</sup>

Di samping itu juga, pengajaran al-Quran secara kelas (teori) juga diadakan untuk guru tersebut memperdengarkan bacaan contoh dan menerangkan aspek-aspek hukum tilawah serta kefahaman atau maksud ayat-ayat tertentu.<sup>43</sup>

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*, hal. 9-10.

<sup>40</sup> *Ibid.*, hal. 10.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*, hal. 11.

## **8. Bahan Pembelajaran al-Quran Dalam KAFA**

Unit Kurikulum Cawangan PPPI, JPM, Kuala Lumpur telah menggariskan bahawa setiap pelajar program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar khususnya, hendaklah memiliki Mukaddam atau al-Quran *Mashaf Rasm ʿUthmani*.<sup>44</sup>

Di samping itu, buku-buku tambahan seperti; buku *Qirā'ati*, buku panduan belajar al-Quran dan buku-buku lain yang diperakukan boleh dijadikan bahan tambahan dalam pembelajaran al-Quran (KAFA). Selain itu, bahan-bahan sokongan seperti video pengajaran/bacaan al-Quran, carta-carta ayat dan seumpamanya, dicadangkan oleh Unit Kurikulum tersebut untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini.<sup>45</sup>

## **9. Keberkesanan Mata Pelajaran al-Quran Dalam KAFA**

### **9.1 Analisis Keputusan Ujian al-Quran**

Menurut Laporan Ujian Pencapaian Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) atau UPKK negeri Perlis bagi tahun 2002, seramai 576 orang calon (murid darjah lima) bagi seluruh lokasi KAFA kawasan Kangar, telah mendaftar untuk menduduki ujian tersebut.<sup>46</sup>

Keputusan Ujian al-Quran bagi UPKK 2002, telah mencatatkan hampir 2/3 atau 62% daripada calon-calonnya, berjaya mencapai gred A dan B, dalam ujian tersebut. Ini menunjukkan bahawa program KAFA di Kangar, Perlis, telah berjaya memberi kesan yang positif terhadap sebahagian besar daripada murid-muridnya, dalam bidang pengajian al-Quran. Keputusan lengkap ujian tersebut, berdasarkan tahap-tahap pencapaian calon-calonnya, adalah seperti di dalam Jadual 9.1 berikut:

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, hal. 12.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Laporan UPKK Negeri Perlis. 2002. Kangar: Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs. hal. 2.



**Jadual 9.1: Keputusan Ujian al-Quran Mengikut Gred**

Gred	A	B	C	D	T.H	H	Jumlah
Bil. Murid	132	225	185	28	6	570	576
Peratus	22.9%	39.1%	32.1%	4.9%	1%	99%	100%

Sumber: Laporan UPKK Negeri Perlis 2002

Petunjuk: T.H: Tidak Hadir H: Hadir

Berdasarkan jadual ini, didapati bahawa jeda di antara calon-calon yang memperolehi gred A (tertinggi) dengan mereka yang memperolehi gred D (terendah) dalam Ujian al-Quran, adalah sebanyak 18% dari jumlah keseluruhan calon. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada murid-murid tersebut, berjaya mencapai prestasi yang baik dalam membaca al-Quran dan memahami hukum-hukum tajwid yang terkandung di dalamnya.

## 9.2 Analisis Ujian Hafazan

Keputusan Ujian Hafazan bagi UPKK 2002, telah mencatatkan hampir 2/3 atau 61.6% daripada calon-calonnya, berjaya mencapai gred A dan B, dalam ujian tersebut. Ini menunjukkan program KAFA di Kangar, Perlis, telah berjaya memberi kesan yang positif terhadap prestasi hafalan al-Quran sebahagian besar daripada murid-muridnya. Keputusan lengkap ujian tersebut, berdasarkan tahap-tahap pencapaian calon-calonnya, adalah seperti di dalam Jadual 9.2 berikut.

**Jadual 9.2: Keputusan Ujian Hafazan Mengikut Gred**

Gred	A	B	C	D	T.H	H	Jumlah
Bil. Murid	116	239	196	19	6	570	576
Peratus	20.1%	41.5%	34%	3.3%	1%	99%	100%

Sumber: Laporan UPKK Negeri Perlis 2002

Petunjuk: T.H: Tidak Hadir H: Hadir

Jadual ini menunjukkan bahawa perbezaan di antara calon-calon yang memperolehi gred A dengan mereka yang memperolehi gred D, dalam Ujian Hafazan adalah sebanyak 16.8% daripada jumlah keseluruhan calon. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada murid-murid tersebut, berjaya mencapai prestasi yang baik dalam menghafal beberapa surah pendek di dalam kitab suci al-Quran.

### 9.3 Analisis Soal Selidik Terhadap Murid-murid KAFA

Analisa terhadap data-data yang diperolehi dari edaran borang soal selidik kepada responden-responden bagi melihat sejauh manakah murid-murid KAFA di Kangar, Perlis berminat dan menghayati kurikulum al-Quran yang terkandung di dalam program tersebut. Untuk itu, seramai seratus orang responden melibatkan tahun empat hingga tahun enam telah menjadi sasaran dalam kajian ini.


Lokasi-lokasi yang dipilih ialah; Sekolah Kebangsaan Seri Indra (SKSI), Sekolah Kebangsaan Seri Perlis (SKSP), Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad (SKDWA), Sekolah Kebangsaan Stella Maris (SKSM) dan Sekolah Kebangsaan Putra (SKP) di Kangar, Perlis. Aspek-aspek yang dianalisa adalah berkaitan dengan minat dan sebab minat dengan Pengajian al-Quran dalam KAFA dan hafalan surah-surah lazim serta pengetahuan mereka mengenai hukum *Izhār Ḥalqī* sebagai sampel bagi pengetahuan mereka terhadap Ilmu Tajwid.

#### 9.3.1 Analisis Minat Terhadap KAFA

Borang-borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden di sekolah-sekolah, bagi meninjau minat mereka terhadap kelas al-Quran yang diadakan di lokasi-lokasi

tersebut. Ini adalah untuk mengetahui keberkesanan kelas pengajian al-Quran di lokasi-lokasi tersebut, dalam menarik minat murid-muridnya. Pembahagian para responden mengikut tahap minat mereka terhadap KAFA, adalah seperti di dalam Rajah 9.1.

**Rajah 9.1: Pembahagian Responden Mengikut Minat Terhadap Kelas al-Quran**




Berdasarkan Rajah 9.1 ini, didapati bahawa kelas pengajian al-Quran ini, telah berjaya menarik minat majoriti para responden atau 93% daripada mereka. Hanya sebilangan yang amat kecil atau 1% daripada mereka sahaja, yang tidak berminat langsung dengan pengajian al-Quran tersebut.

### 9.3.2 Analisis Sebab Memasuki Kelas al-Quran

Borang-borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden, bagi meninjau sebab-sebab mereka memasuki kelas al-Quran. Pembahagian para responden mengikut sebab-sebab mereka memasuki kelas tersebut, adalah seperti di dalam Rajah 9.2.



**Rajah 9.2: Pembahagian Responden Mengikut Faktor Ke Kelas al-Quran**



Berdasarkan Rajah 9.2 ini, didapati bahawa kebanyakan para responden atau 81% daripada mereka, mengikuti kelas al-Quran disebabkan oleh faktor minat mereka sendiri. Hanya sebahagian kecil atau 19% daripada mereka sahaja, yang mengikutinya disebabkan oleh arahan ibu bapa dan arahan pihak pentadbir sekolah.


Ini menunjukkan bahawa program kelas al-Quran di sekolah-sekolah di Kangar, Perlis, banyak dibantu oleh minat murid-muridnya sendiri berbanding dengan inisiatif para ibu bapa dan pentadbir sekolah.

### 9.3.1 Analisis Hafalan Surah-surah lazim

Borang-borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden, bagi meninjau hafalan surah-surah lazim mereka. Ini adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan program KAFA di kalangan mereka, khususnya aspek hafalan surah-surah yang lazim yang kerap dibaca dalam sembahyang. Pembahagian para responden, mengikut tahap hafalan surah-surah lazim mereka, adalah seperti di dalam Rajah 9.3.

### Rajah 9.3: Tahap Hafalan Surah-surah Lazim

#### Respond



Rajah 9.3 ini, didapati bahawa hampir keseluruhan para responden atau 99% daripada mereka, telah menghafal surah-surah lazim, walaupun 37% daripada mereka hanya menghafal separuh daripada surah-surah tersebut. Hanya sebilangan yang amat kecil atau 1% daripada mereka sahaja, yang tidak menghafal langsung surah-surah tersebut.


Ini menunjukkan bahawa kelas al-Quran dalam program KAFA, telah memberi kesan yang amat baik dalam mendidik hampir keseluruhan murid-muridnya, menghafal surah-surah lazim.

#### 9.3.4 Analisis Pengetahuan Mengenai Hukum Izhar Halqi

Borang-borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden, bagi meninjau pengetahuan mereka mengenai hukum Izhār Ḥalqī. Ini adalah untuk mengkaji sejauhmanakah keberkesanan program KAFA dalam mempertingkatkan pengetahuan murid-murid, mengenai hukum tersebut.

Pembahagian para responden mengikut tahap-tahap pengetahuan mereka mengenai hukum tersebut, adalah seperti di dalam Rajah 9.4.

**Rajah 9.4: Pengetahuan Responden Mengenai Hukum *Izhar Halqi***



Rajah 9.4 ini menerangkan bahawa hampir 2/3 atau 62% daripada para responden, tahu mengenai hukum *Izhār Ḥalqi*. Data ini turut menjelaskan bahawa lebih 1/3 atau 38% daripada mereka, tidak tahu dan tidak pasti dengan hukum tersebut.

Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan sebahagian besar murid-murid KAFA mengenai hukum tajwid khususnya hukum *Izhār Ḥalqi*, adalah memuaskan, dan hanya sebilangan kecil (10%) sahaja, yang tidak tahu langsung mengenainya.

Ini sekaligus membuktikan keberkesanan program KAFA di sekolah-sekolah dalam menambahkan pengetahuan sebahagian besar murid-muridnya, mengenai hukum-hukum bacaan al-Quran.




Rajah 9.4 ini menerangkan bahawa hampir 2/3 atau 62% daripada para responden, tahu mengenai hukum *Izhār Ḥalqi*. Data ini turut menjelaskan bahawa lebih 1/3 atau 38% daripada mereka, tidak tahu dan tidak pasti dengan hukum tersebut.

### 9.3.5 Analisis Pengetahuan Mengenai Tiga Huruf *Izhār Ḥalqi*

Bagi memperkukuhkan penemuan yang dirumuskan dalam analisis pengetahuan para responden tentang hukum *Izhār Ḥalqi* yang lalu, tahap pengetahuan para responden diuji mengenai huruf-huruf *Izhār Ḥalqi* di dalam soal selidik ini.

Hanya tiga huruf daripada keenam huruf-huruf *Izhār Ḥalqi* disoal kepada para responden. Pembahagian para responden mengikut jawapan-jawapan mereka mengenai tiga huruf *Izhār Ḥalqi*, adalah seperti di dalam Rajah 9.5.

**Rajah 9.5: Keputusan Mengenai Tiga Huruf *Izhār Ḥalqi***



Berdasarkan Rajah 9.5 ini, didapati bahawa sebahagian besar atau 77% daripada para responden, dapat menjawab soalan mengenai tiga huruf *Izhār Ḥalqi* dengan betul. Hanya

Berdasarkan Rajah 9.5 ini, didapati bahawa sebahagian besar atau 77% daripada para responden, dapat menjawab soalan mengenai tiga huruf *Izhār Ḥalqi* dengan betul. Hanya sebahagian kecil atau 23% daripada mereka, tidak menjawab dengan betul (salah) dan tidak memberi sebarang jawapan bagi soalan tersebut. Ini menunjukkan bahawa jawapan para responden yang betul, melebihi 15% daripada bilangan mereka yang mengatakan; ya pada soalan bagi meninjau pengetahuan hukum *Izhār Ḥalqi* yang lalu.

Setelah dibandingkan di antara jawapan-jawapan kedua-dua soalan berkaitan dengan pengetahuan para responden mengenai hukum *Izhār Ḥalqi* dan tiga huruf-hurufnya, maka penulis mendapati bahawa, daripada 62 orang responden yang menjawab; ya, (bagi soalan hukum *Izhār Ḥalqi*), 56 orang daripada mereka dapat menjawab dengan betul, manakala 6 orang yang bakinya, tidak menjawab dengan betul.

Bagi 28 orang responden yang menjawab; tidak pasti, bagi soalan mengenai pengetahuan mereka mengenai hukum tajwid tersebut, maka 21 orang daripada mereka telah menjawab dengan betul, 2 orang daripada mereka tidak menjawab dengan betul, dan 5 orang yang bakinya, tidak menulis sebarang jawapan pada soalan berkaitan dengan tiga huruf-hurufnya.

Ini menunjukkan bahawa para responden yang tidak pasti tentang hukum *Izhār Ḥalqi* sebenarnya, adalah mereka yang kebanyakannya tahu mengenai hukum tersebut dan huruf-hurufnya. Didapati juga bahawa, daripada 10 orang responden yang menjawab; tidak, bagi soalan berkaitan

pengetahuan mereka mengenai hukum tajwid tersebut, 9 orang daripada mereka tidak menulis sebarang jawapan, dan seorang daripada mereka, tidak menjawab dengan betul pada soalan mengenai huruf-hurufnya. Ini sekaligus menunjukkan bahawa mereka sebenarnya tidak tahu langsung mengenai hukum tersebut dan huruf-hurufnya.

Huraian terperinci penganalisaan terhadap perbandingan jawapan terhadap kedua-dua soalan tersebut dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 9.3.

**Jadual 9.3: Perbandingan Di antara Jawapan-jawapan Bagi Soalan Berkaitan Pengetahuan Responden Mengenai Hukum dan Tiga Huruf *Izhār Ḥalqī***

Soalan Hukum	Ya	Tidak	Tidak Pasti
<b>Soalan Huruf</b>	√ X 0	√ X 0	√ X 0
SKSI	15 0 0	0 0 1	3 0 1
SKSP	12 0 0	0 0 1	6 0 1
SKDWA	6 3 0	0 1 1	6 1 2
SKSM	16 3 0	0 0 0	1 0 0
SKP	7 0 0	0 0 6	5 1 1
Jumlah	56 6 0	0 1 9	21 2 5
<b>Jum. Keseluruhan</b>	62	10	28

Petunjuk: √: Betul X: Salah 0: Tiada Jawapan



## 10. Faktor-faktor Keberkesanan Program KAFA di Sekolah-sekolah

Keberkesanan program KAFA yang lebih ketara di sekolah-sekolah berbanding di lokasi-lokasi KAFA luar sekolah seperti di masjid-masjid, surau-surau dan dewan-dewan adalah disebabkan oleh lima faktor yang utama, iaitu:-

- i. Prasarana di sekolah-sekolah lebih lengkap, khususnya kemudahan P&P KAFA berbeza dengan prasarana di lokasi-lokasi KAFA luar sekolah yang tidak lengkap.
- ii. Majoriti guru-guru KAFA di sekolah-sekolah adalah guru-guru pendidikan Islam yang terlatih dan di bawah bidang kuasa KPM, berbanding dengan majoriti guru-guru KAFA di luar sekolah yang merupakan guru-guru tidak terlatih (bukan pemegang Diploma Pendidikan atau lepasan maktab).<sup>47</sup>
- iii. Suasana pembelajaran di sekolah-sekolah lebih formal dan terkawal berbanding dengan suasana pembelajaran di lokasi-lokasi KAFA luar sekolah yang lebih ringkas dan tidak formal.<sup>48</sup>
- iv. Prestasi disiplin murid-murid KAFA di sekolah-sekolah lebih baik daripada murid-murid KAFA di lokasi-lokasi KAFA luar sekolah.
- v. Program KAFA di sekolah-sekolah tidak cenderung kepada kelas pengajian al-Quran semata-mata bahkan

---

<sup>47</sup> Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim. 2003. *Keberkesanan Pelajaran al-Quran dalam KAFA*. KPP Bahagian Pendidikan, JAIPs. Temubual pada: 2 Julai 2003 dan observasi penulis sendiri di lokasi-lokasi KAFA terbabit.

<sup>48</sup> Kenyataan ini berdasarkan observasi penulis di lokasi-lokasi KAFA terbabit.

mengambil kira pengajian fardu ain, sedangkan program tersebut di masjid-masjid lebih merupakan kelas-kelas “mengaji al-Quran”.<sup>49</sup>

## 11. Penutup dan Saranan

Pengajian al-Quran dalam program KAFA sebenarnya telah berjaya memberi kesan yang positif dalam mendidik murid-murid dan membudayakan kitab suci tersebut dalam kehidupan mereka. Namun begitu, program ini harus dipertingkatkan mutu dan pelaksanaannya dari masa ke semasa.

Berdasarkan maklum balas para responden dalam borang-borang soal selidik yang diedarkan, di antara saranan-saranan utama yang dikemukakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti pengajian KAFA adalah seperti berikut:-

- i. Pembekalan buku-buku sumber KAFA secara percuma kepada guru-guru KAFA di Kangar, Perlis beserta dengan penerangan kaedah mengaplikasikannya ke dalam program KAFA oleh kakitangan Unit KAFA yang berkenaan.
- ii. Kursus-kursus atau latihan-latihan bagi mengukuhkan kefahaman dan penghayatan guru-guru KAFA berkaitan dengan subjek-subjek KAFA harus disediakan secara menyeluruh dan berjadual, terutama sekali bagi subjek-subjek yang melibatkan amali atau praktikal.
- iii. Kursus-kursus dan latihan-latihan Pengukuhan KAFA (mengikut turutan yang terutama) yang dicadangkan

---

<sup>49</sup> Ustazah Che Mah bt. Salleh. 2003. *Langkah-langkah Peningkatan Pelajaran al-Quran dalam KAFA*. Guru Pembimbing Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan Tilawah al-Quran KAFA, Perlis. Temubual pada 30 Julai 2003 dan observasi penulis sendiri di lokasi-lokasi KAFA terbabit.

meliputi; Kursus Kaedah P&P KAFA, Kursus *Tahsīn* al-Quran atau Tajwid, Kursus Kaedah Pengurusan Kelas KAFA dan Kursus Asas Komputer.

- iv. Waktu pengajian KAFA pula perlu diselaraskan dengan bermula dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang agar latihan amali solat Asar dapat dipraktikkan di kalangan murid-murid.
- v. Disiplin murid-murid KAFA dari sudut komitmen mereka dengan jadual waktu KAFA, pemakaian pakaian yang kemas atau lebih baik lagi pakaian seragam yang khas, ketenteraman dalam kelas dan sebagainya harus diambil perhatian oleh para penyelia dan guru-guru KAFA terbabit.
- vi. Kemudahan ABM dan pra sarana kelas pula, wajar dipertingkatkan mutu dan keselesaan, terutama sekali di lokasi-lokasi KAFA luar sekolah oleh pihak kerajaan negeri atau badan-badan tertentu, melalui JKKK terbabit.

Ringkasnya, program KAFA wajar diteruskan khususnya pengajian al-Quran yang terdapat di dalamnya, bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang sedia ada dalam pelaksanaan Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia. Ini memandangkan program KAFA telah memberi kesan yang positif dan menggalakkan kepada sebahagian besar murid-muridnya dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas fardu ain, termasuk pengetahuan Bahasa Arab dan menulis Jawi.

Semoga Allah s.w.t memberkati dan merestui usaha murni ini agar generasi muda ini akan celik dan memahami kitab suciNya serta menghayati cara hidup Islam dalam kehidupan mereka seharian. *Amin.*



## RUJUKAN

*Al-Qur'an al-Karīm.*

*Al-Qur'an dan Terjemahannya.* 1412H. Madīnah al-Munawwarah: Muḥammaḥ Khādim al-Haramayn al-Sharīfayn al-Malik Fahd li Tibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf.

Ahmad b. Mohamad Salleh. 1997. *Pendidikan Islam - Falsafah, Pedagogi dan Metodologi.* Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Aminuddin b. Mohammad. 2003. *Sejarah Penubuhan KAFA di Kangar, Perlis.* Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan, JAIPs dan Bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPs. Temubual pada 30 Jun 2003.

Bahador b. Hj. Ayob. 2003. *Sejarah Penubuhan KAFA di Kangar, Perlis.* Bekas Ketua Penyelia KAFA, Unit KAFA, JAIPs. Temubual pada 30 Jun 2003.

BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. 1994. "Ke Arah Pembentukan Generasi al-Quran Dalam Merealisasi Cita-cita Wawasan 2020 di Malaysia" (Kertas kerja Seminar Kaedah Pembacaan al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam, 22-25 Julai 1994).

Che Mah bt. Salleh. 2003. *Langkah-langkah Peningkatan Pelajaran al-Quran dalam KAFA.* Guru Pembimbing Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan Tilawah al-Quran KAFA, Perlis.

Ibn al-Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukarram al-Anṣāriyy. 1993. *Lisān al-ʿArab.* j. 10. Bayrūt: Mu'assasah al-Tarikh al-ʿArabī wa Dār al-Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.

Ibrahim b. Mat @ Muhd. 2003. *Pengenalan KAFA.* Ketua Penolong Pengarah (KPP) di Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM, Putra Jaya. Temubual pada 24 Mac 2003.

JAIPs. t.th. *Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA - Jawi dan Khat.* Kangar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.

- JAIPs. t.th. *Buku Huraian Sukatan Pelajaran Pengajian KAFA - al-Lughah al-<sup>o</sup>Arabiyyah*. Kangar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.
- JAIPs. 1998. *Kertas Kerja Pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardhu ain (KAFA) Negeri Perlis*. Kangar: Unit KAFA Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.
- JAIPs. 2000. *Laporan Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis*. Kangar: JAIPs.
- JAIPs. 1999. Pengenalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Perlis (JAIPs), <http://www.perlis.gov.my/jaip/MAIPs.htm>. Tarikh lawat: 30 September 1999.
- JAKIM. 1999. *Dasar dan Halatuju KAFA Menghadapi Alaf Baru. 1999*. (Kertas Kerja Ijtimak Pengurusan KAFA Peringkat Kebangsaan, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Disember 1999).
- JAKIM. t.th. *Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam (BPPI).
- JAKIM. 1998. *Mesyuarat Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke 25. "Kertas Makluman Program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)"*. (Laporan Mesyuarat, Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- JAKIM. t.th. *Strategi dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran KAFA*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM.
- JAKIM. t.th. *Struktur dan Fungsi Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

RUJUKAN

- JPM. t.th. *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- JPM. t.th. *Sukatan Pelajaran Pengajian Kelas al-Quran dan Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM.
- Mohamad Alwi b. Yusoff, Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Ahmad Kamel b. Mohamad. 2003. “*Kebekesanan Kaedah Iqra’ Dalam Pengajaran al-Quran*”, (Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pada 17 Mei 2003).
- Rohaizam bt. Abd. Rahim. 2003. *Kebekesanan Pelajaran al-Quran dalam KAFA*. KPP Bahagian Pendidikan, JAIPs. Temubual pada: 2 Julai 2003
- Al-Sindiyy, Abū al-Ḥasan. t.th. *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*. j. 3. Bayrūt: Dār al-Maʿrifah.



## Lampiran I

### Sukatan Mata Pelajaran Al-Quran Dalam KAFA Mengikut Tahap Umur di Sekolah Rendah

#### Tahun 1

- 1.1 Membaca Huruf al-Quran yang diterap dengan baris dan tandanya.
- 1.2 Membaca kalimah dan ayat-ayat daripada surah-surah berikut:-
 

<i>al-Fātihah</i>	<i>al-Nās</i>	<i>al-Falaq</i>
<i>al-Ikhlāṣ</i>	<i>al-Lahab</i>	<i>al-Naṣr</i>
<i>al-Kāfirun</i>	<i>al-Kauthar</i>	<i>al-Mā'un</i>
<i>Quraysh</i>	<i>al-Fīl</i>	<i>al-Humazah</i>
<i>al-ʿAsr</i>	<i>al-Takāthur</i>	<i>al-Qāri'ah</i>
<i>al-ʿAdiyāt</i>	<i>al-Zalzalah</i>	<i>al-Bayyinah</i>
<i>al-Qadr</i>	<i>al-ʿAlaq</i>	<i>al-Tīn</i>
<i>al-Sharḥ</i>	<i>al-Ḍuhā</i>	
- 1.3 Menghafaz surah-surah berikut:-
 

<i>al-Fātihah</i>	<i>al-Nās</i>	<i>al-Falaq</i>
<i>al-Ikhlāṣ</i>	<i>al-Lahab</i>	<i>al-Naṣr</i>
- 1.4 Membaca daripada surah *al-Fātihah*, surah *al-Nās* sehingga surah *al-Ḍuhā*.
- 1.5 Adab membaca, membawa dan menyimpan *muṣḥaf*.

#### Tahun 2

- 2.1 Baris-baris dan tanda-tanda bacaan dalam al-Quran.
- 2.2 Tanda-tanda *mad* dan tanda-tanda *waqaf* dalam ayat-ayat al-Quran.
- 2.3 Membaca surah-surah berikut:-
 

<i>al-Fātihah</i>	<i>al-Nās</i>	<i>al-Falaq</i>
<i>al-Ikhlāṣ</i>	<i>al-Lahab</i>	<i>al-Naṣr</i>
<i>al-Kāfirun</i>	<i>al-Kauthar</i>	<i>al-Mā'un</i>
<i>Quraysh</i>	<i>al-Fīl</i>	<i>al-Humazah</i>
<i>al-ʿAsr</i>	<i>al-Takāthur</i>	<i>al-Qāri'ah</i>
<i>al-ʿAdiyāt</i>	<i>al-Zalzalah</i>	<i>al-Bayyinah</i>

<i>al-Qadr</i>	<i>al-ʿAla</i>	<i>al-Tīn</i>
<i>al-Sharḥ</i>	<i>al-Duhā</i>	<i>al-Layl</i>
<i>al-Shams</i>	<i>al-Balad</i>	<i>al-Fajr</i>
<i>al-Ghāshiyah</i>	<i>al-Aʿlā</i>	<i>al-Ṭariq</i>
<i>al-Burūj</i>	<i>al-Inshiqāq</i>	<i>al-Mutaffifin</i>
<i>al-Infithār</i>	<i>al-Taʿwīr</i>	<i>ʿAbasa</i>
<i>al-Nazīʿāt</i>	<i>al-Nabaʿ</i>	

- 2.4 Menghafaz surah-surah berikut:-

<i>al-Kāfirun</i>	<i>al-Kautḥar</i>	<i>al-Māʿun</i>
<i>Quraysh</i>	<i>al-Fī'</i>	<i>al-Humazah</i>
<i>al-ʿAsr</i>	<i>al-Takwīn</i>	

- 2.5 Fadilat membaca al-Quran

### Tahun 3

- 3.1 Membaca ayat-ayat daripada juzuk 1 hingga akhir juzuk 8.
- 3.2 Menghafaz surah-surah berikut:-
 

<i>al-Qārīʿah</i>	<i>al-ʿAdiyāt</i>	<i>al-Zalzalah</i>
<i>al-Bayyinah</i>	<i>al-Qadr</i>	<i>al-ʿAlaq</i>
<i>al-Tīn</i>	<i>al-Sharḥ</i>	<i>al-Duhā</i>
- 3.3 Cerita-cerita daripada surah-surah tertentu yang dipelajari.
- 3.4 Pelajaran Tajwid merangkumi:-
  - 3.4.1 Cara membaca kadar bacaan *nun* dan *mim* bertasydid.
  - 3.4.2 Huruf-huruf *Izhār Halqi*, hukum dan cara membacanya.
  - 3.4.3 Huruf-huruf *Idgham Maʿa al-Ghunnah*, hukum dan cara membacanya.
  - 3.4.4 Huruf-huruf *Idghām Bilā al-Ghunnah*, hukum dan cara membacanya.

### Tahun 4

- 4.1 Membaca ayat-ayat juzuk 9 hingga akhir juzuk 17.
- 4.2 Menghafaz surah-surah berikut:-
 

<i>al-Layl</i>	<i>al-Shams</i>	<i>al-Balad</i>	<i>al-Fajr</i>
<i>al-Ghāshiyah</i>	<i>al-Aʿlā</i>	<i>al-Ṭariq</i>	<i>al-Burūj</i>
- 4.3 Cerita-cerita daripada surah-surah tertentu yang dipelajari.

- 4.4 Pelajaran Tajwid merangkumi:-
  - 4.4.1 Huruf-huruf *Iqlāb*, hukum dan cara membacanya.
  - 4.4.2 Huruf-huruf *Ikhfā' Shafawī*, *Idgham Mithlayn* dan *Izhār Shafawī*, hukum dan cara membacanya.
  - 4.4.3 Hukum *Lam*, *al-Jalalah* dan *Rā'* serta cara membacanya.

### Tahun 5

- 5.1 Membaca ayat-ayat al-Quran daripada juzuk 18 hingga akhir juzuk 29.
- 5.2 Menghafaz surah-surah berikut:-
 

<i>al-Inshiqāq</i>	<i>al-Muṭaffifin</i>	<i>al-Infiṭār</i>	<i>al-Takwīr</i>
<i>Abasa</i>	<i>al-Nāzi'āt</i>	<i>al-Naba'</i>	
- 5.3 Cerita-cerita daripada surah-surah tertentu yang dipelajari.
- 5.4 Pelajaran Tajwid merangkumi:-
  - 5.4.1 Huruf-huruf *mad*, hukum dan cara membacanya.
  - 5.4.2 Takrif, hukum dan cara membaca *mad-mad* berikut:-
 

<i>Mad Ṭabī'i</i>	<i>Mad Wajib Muttasil</i>
<i>Mad Jā'iz Munfaṣil</i>	<i>Mad 'Iwaḍ</i>
<i>Mad 'Ārid Li al-Sukūn</i>	<i>Mad Lāzim Kalimi Muthaqqal</i>
<i>Mad Farq</i>	<i>Mad Badal</i>
<i>Mad Līn</i>	
<i>Mad Lāzim Kalimi Mukhaffaf</i>	
<i>Mad Lāzim Ḥarfi Muthaqqal</i>	
<i>Mad Lāzim Ḥarfi Mukhaffaf</i>	
  - 5.4.3 *Qalqalah Sughrā* dan *Qalqalah Kubrā*, takrif dan cara membacanya.
  - 5.4.4 *Makhārij al-Ḥurūf* dan sifat-sifatnya

### Tahun 6

- 6.1 Membaca ayat-ayat al-Quran daripada juzuk 1 hingga juzuk 30.
- 6.2 Menghafaz semua juzuk 30.